

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN:

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan berkenaan laporan "Pandora Papers" yang mendedahkan kemungkinan transaksi kewangan yang menyalahi undang- undang negara.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membuat penyelarasan tindakan kerjasama dan kolaborasi pelbagai agensi, termasuk agensi penguatkuasa yang berkaitan bagi menangani isu pendedahan Pandora Papers dan isu pengaliran wang haram (illicit financial flows).
2. Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (*National Anti-Financial Crime Centre atau NFCC*), sebagai penyelarasan dan koordinasi pencegahan jenayah kewangan, secara bersama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) telah membentuk 2 kumpulan kerja iaitu:

- a) **Kumpulan Kerja Penganalisa (KKP)** untuk menjalankan analisa kewangan dan penjejakan aset ke atas individu yang dilaporkan dalam Pandora Papers berpandukan kepada maklumat dalam pangkalan data agensi dan menjalankan analisa berterusan mengenai trends “illicit financial flows” melibatkan Malaysia.
 - b) **Pasukan Khas Jawatankuasa Eksekutif NFCC (PK JKE)** yang terdiri daripada ketua jabatan atau wakil dari PDRM, SPRM, BNM, LHDN, Labuan FSA dan NFCC bagi menentukan pelaksanaan, memantau dan memberi panduan dan nasihat KKP.
3. KKP dan PK JKE telah mengadakan siri perbincangan yang antara lain merangkumi “stock taking” tindakan dan analisa yang telah dibuat oleh agensi penguat kuasa dan pemprofilan mereka yang dinyatakanserta mereka yang mempunyai hubungkait, termasuk urusan perniagaan.
 4. Pendekatan ini dilakukan untuk meneliti aliran kewangan dan penubuhan syarikat luar pesisir agar tindakan penguatkuasaan secara menyeluruh tanpa jurang dapat dilaksanakan ke atas mereka yang menyalahguna struktur luar pesisir untuk jenayah kewangan, pengelakkan cukai dan pengubahan wang haram. Proses penelitian dan pemprofilan serta sebarang tindakan penguatkuasaan oleh agensi penguatkuasa yang berkenaan dibuat mengikut prosedur dan undang-undang yang sedia ada, termasuk bagi mendapatkan pengesahan dan maklumat daripada agensi-agensi luar negara yang memerlukan sedikit masa.

Sekian, terima kasih.